

# KuiTTHO sasar <sup>um 8/3/05</sup> graduan aktif ko- kurikulum

BATU PAHAT 7 Mac — Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KuiTTHO) dekat sini yang menempatkan kira-kira 6,000 pelajar meletakkan sasaran untuk melahirkan graduan bukan sahaja cemerlang akademik, malah aktif dalam ko-kurikulum.

Salah satu strategi untuk mencapai matlamat tersebut kata Rektornya, Prof. Dr. Ismail Bakar ialah dengan mengadakan Malam Anugerah Pelajar (MAP) bagi mewujudkan semangat daya saing di kalangan penuntut.

Pendekatan tersebut juga katanya, selaras dengan dasar kerajaan yang mahu graduan-graduan di negara ini turut memiliki perwatakan baik sebagai nilai tambah untuk mudah mendapat pekerjaan apabila tamat belajar nanti, tambahanya.

“Salah satu matlamat universiti ialah melahirkan graduan berkualiti, berdaya saing, serta cemerlang sama ada dalam bidang akademik mahu pun ko-kurikulum.

“Ini dapat mengimbangi



DR. Ismail Bakar bersama dua penerima anugerah semasa malam anugerah pelajar KuiTTHO di Batu Pahat, kelmarin.

beberapa aspek yang diberi keutamaan iaitu pembangunan sahsiah, keterampilan diri, kepimpinan dan kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif serta pengukuhan berkomunikasi,” katanya.

Ismail menyatakan demikian ketika berucap pada majlis MAP dan me-

nyampaikan 16 anugerah kepada pelajar-pelajarnya di kampus itu dekat sini, malam tadi.

Sebanyak 16 anugerah disediakan antaranya, program terbaik, kelab, olahragawan dan olahragawati, anugerah seni dan anugerah khas Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan me-

nerima wang tunai RM-500, trofi dan sijil.

Kriteria pemilihan mereka, jelas beliau adalah berdasarkan pencapaian penyertaan dalam sesuatu pertandingan, semangat kerjasama, pengurusan kewangan kelab, sumbangan terhadap universiti serta pengurusan organisasi yang baik.